

Received	20 July 2025	Accepted	20 July 2025
Revised	20 August 2025	Published	15 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	17-27
http://doi.org/			
To cite: Moktar Hussain, et.al. 2025. Penguasaan Kosa Kata Pelajar Bahasa Arab Akademik Asas PPPY 1022 Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Penulisan. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 17-27. DOI: http://doi.org/			

Penguasaan Kosa Kata Pelajar Bahasa Arab Akademik Asas PPPY1022 Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Penulisan

Students' Vocabulary Mastery in Basic Academic Arabic PPPY1022 at Universiti Kebangsaan Malaysia: A Focus on Writing Skills

Moktar Hussain¹ Iqbal Hamdan², Ibtisam Abdullah³, Maryam Abdul Rahman⁴ & Muhammad Zaimuddin Mohd Zakarim⁵

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneliti tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab Akademik Asas PPPY 1022 di Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan fokus khusus pada kemahiran penulisan. Sebagai bahasa asing kedua bagi kebanyakan pelajar Melayu, bahasa Arab sering membawa cabaran besar disebabkan perbezaan struktur linguistik, sistem tatabahasa dan penggunaan kosa kata. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kertas peperiksaan akhir pelajar, khususnya bahagian yang memerlukan pembinaan ayat menggunakan kosa kata yang ditetapkan. Sebanyak sepuluh sampel dipilih secara rawak daripada lima puluh skrip jawapan untuk dianalisis secara mendalam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar terletak pada aspek

¹ Language Teacher, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-Mail: moktar@ukm.edu.my

² Language Teacher, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-Mail: iqbalhamdan358@ukm.edu.my

³ Language Teacher, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-Mail: ibtisam@ukm.edu.my

⁴ Language Teacher, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-Mail: maryamabdulrahman@ukm.edu.my

⁵ Language Teacher, Arabic Language Unit, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. E-Mail: zaimuddin@ukm.edu.my

penguasaan kosa kata, struktur ayat, tatabahasa dan semantik. Pelajar kerap melakukan kesilapan dalam pemilihan perkataan, penggunaan kata kerja dan objek, serta pembinaan ayat yang gramatis. Selain itu, terdapat pelajar yang keliru membezakan antara bentuk isim dan fi'il, gagal memahami konsep mudaf dan mudaf ilaih, serta tidak konsisten dalam penggunaan jantina kata kerja. Ramai pelajar juga tidak dapat menyesuaikan kosa kata dengan konteks ayat sehingga menyebabkan maksud yang disampaikan menjadi kurang jelas. Kajian ini merumuskan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana dan masih memerlukan penambahbaikan secara sistematik. Sehubungan itu, pengajaran bahasa Arab perlu diperkasakan melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan penguasaan kosa kata dengan latihan penulisan, penggunaan teknologi serta penilaian berterusan. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti bukan penutur jati.

Kata Kunci: Bahasa Arab Akademik, Kemahiran Menulis, Penguasaan Kosa Kata, Bahasa Arab, Pelajar Universiti

Abstract

This study aims to examine the level of Arabic language proficiency among students enrolled in the Basic Academic Arabic course PPPY 1022 at Universiti Kebangsaan Malaysia, with particular focus on writing skills. As a second foreign language for most Malay students, Arabic often presents significant challenges due to differences in linguistic structure, grammatical systems, and vocabulary usage. Using a qualitative approach, the study analyzes students' final examination papers, specifically sections requiring them to construct sentences using given vocabulary. Ten samples were randomly selected from fifty answer scripts for in-depth analysis. The findings reveal that the main weaknesses lie in vocabulary mastery, sentence structure, grammar, and semantics. Students frequently make errors in word selection, verb-object usage, and grammatical sentence construction. Additionally, some students struggle to differentiate between noun and verb forms, fail to grasp the concept of mudāf and mudāf ilayh, and show inconsistency in gender agreement. Many are also unable to align vocabulary with sentence context, resulting in unclear meanings. The study concludes that students' proficiency is at a moderate level and still requires systematic improvement. Therefore, Arabic language instruction should be strengthened through an integrated approach that combines vocabulary mastery with writing practice, technological application, and continuous assessment. This study is expected to contribute to the development of more effective teaching strategies to enhance Arabic writing skills among non-native university students.

Keywords: *Basic Academic Arabic, Writing Skills, Vocabulary Mastery, Arabic Language, University students*

Pengenalan

Bahasa Arab ialah salah satu bahasa yang mempunyai keunikan tersendiri dan mempunyai kelebihan yang tiada dalam bahasa lain. Hal ini seharusnya pelajar yang menguasai bahasa Arab terutama bagi mereka yang mengikuti bidang pengajian Islam perlu menguasai kemahiran seperti mendengar, menulis, bertutur dan membaca (Kamarulzaman, 2021; Hadj Said, 2023). Oleh itu, bagi seseorang pelajar agama yang belajar di peringkat yang lebih tinggi seharusnya dapat menguasai empat kemahiran dengan lebih mendalam.

Namun begitu, bagi seseorang bukan penutur jati bahasa Arab untuk menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau lebih bukanlah satu perkara yang mudah kerana sistem bahasa yang berbeza dengan bahasa asal. Oleh yang demikian, bagi menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua memerlukan keupayaan yang lebih berkenaan asas tatabahasa, kosa kata serta mampu mengintegrasikan pengetahuan tersebut dalam penulisan kerana ia akan dinilai sebagai penilaian sumatif di peringkat universiti di Malaysia (Noor Anida, 2025).

Selain itu, kelemahan yang sering dihadapi oleh pelajar penuntut di universiti di Malaysia juga sering meliputi aspek kelemahan linguistik (Sulaiman Ismail et al., 2021; Muhammad Irfan Mhd Rusdi et al., 2023), kesalahan morfologi (Diyak Ulahman Mat Saad et al., 2021), kelemahan penguasaan tatabahasa dan struktur ayat (Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023), dan kelemahan dalam menguasai kosa kata serta pembinaan ayat (Ahmad Fuad Che Daud et al., 2022; Asma Abdul Rahman et al., 2022; Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023).

Melalui sorotan literatur dari kajian terdahulu, kajian ini juga turut akan melihat aspek-aspek tersebut namun lebih khusus bagi pelajar Bahasa Arab Akademik Asas PPPY 1022 Universiti Kebangsaan Malaysia dalam penulisan di ujian sumatif. Justeru, mencadangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi menambah baik proses PnP.

Sorotan Literatur

Penguasaan bahasa Arab merupakan elemen yang penting dalam penulisan. Seseorang tidak dapat menulis bahasa Arab sekiranya tidak menguasai bahasa Arab. Penguasaan ini boleh dibahagikan kepada Kemahiran menulis, bertutur, mendengar dan memahami. Antara aspek yang paling penting ialah penguasaan kosa kata. Tanpa menguasai kosa kata, seseorang tidak dapat menguasai empat kemahiran bahasa. Abdul Malik Aluwi (2023) dalam kajiannya terhadap penguasaan kosa kata pelajar SMA Khariah, Terengganu dalam penulisan di sekolah menengah mendapati bahawa kesalahan seperti penggunaan jumlah ismiyyah dan fi'liyyah, jantina, maṣdar, kata ganti diri, sifat maṣūf dan mudaf sering terjadi dalam kalangan pelajar. Menurut Abdul Malik Aluwi, hal ini terjadi kerana kekurangan dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab maka pelajar kurang berkemampuan dalam mempraktikkannya dalam penulisan bahasa Arab.

Bahasa Arab juga memerlukan kepada penguasaan tatabahasa. Tatabahasa yang dikuasai akan meningkatkan mutu dalam penulisan pelajar. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Betoni & Ulfaika (2020) mendapati bahawa tatabahasa Arab mempunyai hubungan signifikan dalam penulisan. Pelajar yang menguasai tatabahasa Arab yang baik lebih cenderung untuk mencapai tahap yang baik dalam penulisan dan begitu juga sebaliknya. Dalam kajian ini juga turut menyokong bahawa kosa kata juga memainkan peranan penting selain dari tatabahasa dalam penentuan tahap pelajar dalam penulisan. Hal ini disokong kerana dapat dilihat pelajar yang mempunyai kosa kata pada tahap yang baik akan menulis dengan baik walaupun tidak mempunyai penguasaan yang baik dalam tatabahasa.

Selain itu, Noor Anida (2025) turut menyatakan bahawa cabaran utama terutama dalam penulisan bahasa Arab ialah pelajar menghadapi masalah kelemahan tatabahasa, kosakata, kaedah pengajaran yang tidak komprehensif serta motivasi yang rendah. Hal ini menyebabkan pelajar tiak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik terutama dalam penulisan. Namun begitu, apakah penguasaan kosa kata pelajar bahasa Arab Akademik Asas PPPY 1022 Universiti Kebangsaan Malaysia pula?

Metodologi

Kajian ini Menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif iaitu pengkaji akan analisis hasil ujian dan kesesuaian soalan yang telah dijalani oleh pelajar bahasa Arab Akademik Asas dengan kod PPPY 1022, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ujian yang dilihat hanya melibatkan komponen soalan ujian penulisan dari aspek pembinaan ayat dari perkataan yang telah diberikan. Pendekatan content analysis telah digunakan bagi melihat tahap keupayaan pelajar dalam menjawab soalan tersebut.

Pemilihan kertas ujian berdasarkan pemilihan sampel rawak mudah. De Vaus (1985) menyatakan bahawa dalam menentukan sampel rawak mudah haruslah mempunyai lima tahap iaitu;

1. Sampel perlu lengkap.
2. Setiap sampel perlu diberi nombor khas.
3. Menentukan saiz sampel.
4. Memilih berdasarkan jadual rawak.
5. Mengesahkan kesesuaian sampel.

Ujian dari peserta yang 5 kelas yang berbeza adalah seramai 50 orang maka sampel yang diperlukan hanya 10 orang. 10 kertas ujian sebagai sampel dipilih berdasarkan cabutan kertas secara rawak. Sampel ini akan dilihat dan dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil dapatan dari kajian ini akan digunakan bagi tujuan menambahbaik PnP bahasa Arab Akademik Asas PPPY1022.

Dapatan Kajian

Fokus utama dalam penyelidikan ini ialah bahagian 3 ba' soalan akhir peperiksaan. Pelajar perlu membuat ayat berdasarkan perkataan yang diberi. Perkataan tersebut ialah:

١. يتحدث عن...
٢. تتعامل مع...
٣. اعتنى ب...
٤. يحتوي على...
٥. الحصول على...

Sekiranya dilihat dari perkataan ini, pelajar perlu membina ayat berdasarkan perkataan yang diberikan manakala soalan peperiksaan mohon pelajar untuk membuat ayat dalam bentuk bebas dan berdasarkan pengetahuan sendiri.

Dalam penyelidikan ini, terdapat 10 sampel yang dipilih secara rawak dan hanya kesalahan sahaja yang difokuskan. sampel tersebut sebagaimana berikut:

Sampel 1:

١. ١. تتعامل مع - احمد عدم النوم لخلاص الكتاب تتعامل مع أصدقاء
٢. ٢. يحتوي على -كتاب النحو و الصرف أن يحتوي على حوالي ١٠ صفحة
٣. ٣. الحصول على - مفتاح النجاح الحصول على دعاء و رضا

Pada sampel yang ini terdapat 3 ayat yang diberikan. Pada ayat pertama, kekurangan terdapat pada ayat likhalas dan tatacamul setelahnya membuatkan makna ayat kurang difahami. Manakala yang pula, pelajar telah menambah an dan ianya bercanggah dengan ayat asal yang diberikan. Ayat yang ketiga pula pelajar mempunyai kelemahan pada ejaan ayat Miftah yang ingin dimaksudkan ialah kunci dan juga alnajah yang ingin dimaksudkan kejayaan. Secara keseluruhan, sampel ini menunjukkan beberapa kelemahan asas dalam pembinaan ayat. Ayat pertama kurang jelas dari segi makna disebabkan penggunaan likhalas dan tatacāmul yang tidak tepat. Ayat kedua pula memperlihatkan kesilapan apabila pelajar menambah 'an, sekali gus bercanggah dengan struktur ayat asal. Ayat ketiga menunjukkan kelemahan dari aspek ejaan, khususnya pada perkataan miftāḥ yang sepatutnya bermaksud “kunci” dan al-najāḥ yang membawa maksud “kejayaan”. Kesilapan-kesilapan ini menggambarkan bahawa pelajar masih memerlukan pengukuhan dalam penguasaan kosa kata dan ejaan Arab bagi menghasilkan ayat yang betul dan tepat makna.

Sampel 2:

١. يتحدث عن- يتحدث محمد المعلومات عن الكتاب في مكتبة
٢. تتعامل مع-تتعامل المعلومات عن الإنترنت مع الكمبيوتر
٣. اعتنى ب- اعتنى فاطمة بإجتهد
٤. يحتوي على- يحتوي علي ناجح في الامتحان على اجتهد
٥. الحصول على - الحصول ناجح على اجتهد

Pada sampel ini, ayat pertama selepas yataḥaddath dan pelaku (fā'il) seharusnya meletakkan 'an, dan menjadikan ma'lumat sebagai objek adalah tidak sesuai di sini. Pelajar mungkin ingin menyampaikan maksud “Muhammad bercakap tentang maklumat dalam buku di perpustakaan”. Manakala bagi ayat kedua pula, tatacāmal

ma'a yang dimaksudkan ialah "berurusan", maka ayat tersebut tidak sesuai dengan makna yang ingin disampaikan kerana ma'lumat ialah sesuatu yang tidak bernyawa, dan penambahan 'an pada ayat ini juga kurang sesuai kerana bergabung dengan tata'āmal. Kelemahan pada ayat ketiga pula ialah kesilapan daripada aspek penggunaan jantina kata kerja, iaitu kata kerja untuk lelaki digunakan bagi subjek perempuan. Pada ayat keempat, perkataan yaḥṭawī tidak sesuai digunakan untuk perkara konkrit seperti "Ali" dalam contoh ini. Penggunaan 'alā dalam ayat tersebut juga mengelirukan, yang mungkin ingin membawa maksud "kejayaan hasil daripada usaha." Manakala bagi ayat kelima, penggunaan al-ḥuṣūl yang merupakan kata nama terbitan adalah tidak sesuai apabila diletakkan sebelum nājih. Penggunaan 'alā al-ijtihād pula yang ingin membawa maksud "atas usaha" atau "disebabkan oleh usaha" menjadi kurang bermakna kerana susunan ayat sebelumnya agak mengelirukan. Secara keseluruhan, sampel ini menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi pelbagai kelemahan asas dalam pembinaan ayat bahasa Arab, khususnya melibatkan penggunaan huruf jar yang tepat, pemilihan kata kerja yang sesuai, keselarasan jantina kata kerja, serta kesesuaian makna dalam konteks ayat. Kesilapan seperti penggunaan 'an dan tata'āmal yang tidak tepat, penggunaan kata kerja untuk subjek yang berlainan jantina, serta pemilihan perkataan seperti yaḥṭawī, al-ḥuṣūl, dan 'alā al-ijtihād yang tidak serasi dengan struktur ayat menunjukkan bahawa pelajar masih memerlukan pengukuhan dalam aspek tatabahasa, semantik dan kosa kata. Kelemahan-kelemahan ini turut memberi kesan kepada kejelasan makna ayat yang ingin disampaikan.

Sampel 3:

١. يحتوي على - يحتوي الطفل على الدراسة
٢. الحصول على - الحصول محمد على الناجحين في الإمتحان

Ayat satu menunjukkan makna yang tidak serasi antara yaḥṭawī dengan dirāsah. Yaḥṭawī di sini lebih menunjukkan makna pemilikan dan tidak sesuai dengan dirāsah. Yang kedua pula alḥuṣūl itu disertakan dengan alnājihin turut tidak sesuai dari aspek makna. Maka pada sampel yang ketiga ini pelajar lemah memahami makna dalam pembinaan ayat. Secara keseluruhannya, sampel ketiga ini menunjukkan bahawa pelajar masih lemah dalam memahami makna perkataan ketika membina ayat. Ayat pertama memperlihatkan ketidaksesuaian makna antara yaḥṭawī dan dirāsah, kerana yaḥṭawī lebih membawa maksud pemilikan dan tidak serasi dengan konteks dirāsah. Ayat kedua pula menggunakan al-ḥuṣūl bersama al-nājihīn dengan cara yang tidak tepat dari segi makna. Kesalahan-kesalahan ini menunjukkan bahawa pelajar kurang memahami hubungan makna antara perkataan dan konteks ayat yang hendak dibina.

Sampel 4:

١. تتعامل مع - الطلبة تتعامل على تطبخ في المطعم
٢. اعتنى ب (Dikosongkan) -
٣. يحتوي على (Dikosongkan) -

٤. الحصول على - يأخذ الحصول على كتاب في المكتبة

Pada ayat 1 dan 4 mempunyai kesalahan tatabahasa dan semantik. Pada ayat pertama tatabahasa seharusnya diguna dengan maca dan bukan cala. Kemudian penggunaan kata kerja setelah harf jar cala adalah tidak sesuai dan seharusnya menggunakan bentuk kata nama adalah lebih baik. Kecuaian pelajar dalam mengikuti arahan menjadi salah satu faktor kelemahan tanpa disengaja. Pada ayat kedua dan ketiga, pelajar meninggalkan soalan tanpa dijawab dengan sebarang jawapan. Manakala pada ayat keempat, alhusul ini membawa maksud mendapatkan manakala penambahan kata kerja yang boleh membawa kepada pengulangan makna adalah tidak sesuai digunakan. Secara keseluruhan, sampel ini menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi kelemahan ketara dalam aspek tatabahasa dan semantik. Kesalahan pada ayat pertama dan keempat menggambarkan ketidaktepatan penggunaan huruf jar dan kata kerja, selain kekeliruan dalam memilih padanan makna yang sesuai. Kecuaian dalam mengikuti arahan turut menyumbang kepada kelemahan tersebut. Sementara itu, ayat kedua dan ketiga yang ditinggalkan tanpa jawapan menunjukkan kemungkinan pelajar kurang memahami tugas atau tidak yakin membina ayat yang tepat. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan pengukuhan dalam pemahaman tatabahasa, kosa kata dan penerapan makna untuk menghasilkan ayat bahasa Arab yang lebih betul dan jelas.

Sampel 5:

١. تتعامل مع - تعامل مع كبار علماء
٢. اعتنى ب - اعتنى بكتاب عن الأخلاق الطيبة
٣. الحصول على - الحصول على مهم جدا للطلاب

Pada ayat yang pertama, hanya perlu sedikit pembetulan pada ayat kibaru culama dan sebaliknya perlu guna kibar al-culama. Pada ayat yang kedua pula kesalahan berlaku pada kitab yang seharusnya ditulis sebagai al-Kitāb. Manakala pada ayat yang ketiga pula kurang lengkap kerana al-husul itu membawa maksud mencapai dan pelajar tidak meletakkan apa-apa maklumat tentang apa yang ingin dicapai. Kesimpulannya, pelajar dalam sampel ini menunjukkan kelemahan asas dalam penulisan dari aspek ejaan, struktur frasa dan kelengkapan makna. Kesilapan pada frasa kibārū ‘ulamā’ yang sepatutnya ditulis sebagai kibār al-‘ulamā’ serta kesalahan ejaan al-Kitāb pada ayat kedua menunjukkan kurangnya ketelitian dalam penggunaan istilah Arab. Selain itu, ayat ketiga didapati tidak lengkap kerana penggunaan al-ḥuṣūl yang bermaksud “mencapai” tidak disertakan maklumat tentang apa yang ingin dicapai, sekali gus menyebabkan ayat tersebut tidak jelas dari segi makna. Secara keseluruhan, kesalahan-kesalahan ini menandakan bahawa pelajar masih memerlukan bimbingan dalam aspek ejaan, pembinaan frasa dan penyampaian makna yang lengkap.

Sampel 6:

١. الحصول على - الحصول على مكارم الأخلاق من مكتبة الإسلامية

Kelemahan terdapat dari aspek nahu iaitu maktabah al-Islamiyah yang berada dalam bentuk mudaf dan mudaf ilaih adalah lebih baik dibina dalam bentuk sifat dan mausuf. Kesimpulannya, pelajar menunjukkan kelemahan dalam aspek nahu apabila membina frasa maktabah al-Islāmiyyah dalam bentuk muḍāf dan muḍāf ilayh, sedangkan bentuk ṣifah-mawṣūf adalah lebih tepat dan sesuai digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar masih memerlukan pengukuhan dalam memahami perbezaan dan aplikasi antara struktur nahu tersebut.

Sampel 7:

(Kertas jawapan ditinggalkan dalam keadaan kosong)

Kesimpulannya, pelajar telah meninggalkan kertas jawapan dalam keadaan kosong tanpa sebarang usaha untuk menjawab, sekali gus menunjukkan kemungkinan ketidakfahaman terhadap tugas atau kurangnya keyakinan untuk membina ayat yang diperlukan.

Sampel 8:

١. يحتوي على - يحتوي على كتاب مكارم الأخلاق
٢. الحصول على - الحصول على كتاب مكارم الأخلاق من مكتبات الكتاب الإسلامية

Pada ayat yang pertama kelemahan hanya terdapat dari segi semantic iaitu makna yang diberikan. Yahtawi yang dimaksudkan disini ialah mengandungi dan agak kurang jelas dari segi maklumat apa yang ingin dijelaskan berkaitan mengandungi. Ayat kedua pula kurang jelas dari aspek makna maktabat al-Kitab al-Islamiyah kerana maktabat itu sendiri telah difahami bahawa tempat itu ialah tempat buku atau perpustakaan maka tidak perlu ditambah al-Kitab. Ringkasnya, Ayat pertama mempunyai kelemahan dari segi semantik kerana penggunaan kata yahtawī kurang jelas dalam menjelaskan maklumat yang ingin disampaikan tentang “mengandungi”. Ayat kedua pula lemah dari aspek makna kerana frasa maktabat al-Kitāb al-Islāmiyyah dianggap tidak tepat; perkataan maktabah sudah membawa maksud tempat buku atau perpustakaan, maka penambahan al-Kitāb adalah tidak diperlukan dan menyebabkan makna menjadi kurang jelas.

Sampel 9:

١. يحتوي على - يحتوي على بركة الله
٢. الحصول على - صوم في رمضان لحصول على الثواب

Pada ayat pertama, pelajar Menggunakan maksud mengandungi merujuk kepada keberkatan Allah. Ayat ini jelas kurang digunakan kerana perkataan yahtawi perlu digunakan dalam bentuk yang konkrit dan bukan digunakan dalam bentuk spiritual. Pada ayat kedua pula ini agak keliru dalam makna ayat. Pelajar juga telah melakukan kesilapan dengan menukarkan dari al-Husul kepada lihusul. Secara umumnya, Dalam ayat pertama, pelajar menggunakan maksud mengandungi bagi merujuk kepada keberkatan Allah, sedangkan kata yahtawī lazimnya digunakan untuk perkara yang bersifat konkrit, bukan unsur spiritual. Hal ini menjadikan ayat tersebut kurang tepat dari segi makna. Bagi ayat kedua pula, wujud kekeliruan makna,

dan pelajar turut melakukan kesilapan dengan menukar bentuk al-ḥuṣūl kepada liḥuṣūl, sekali gus menjejaskan ketepatan struktur ayat.

Sampel 10:

١. يتحدث عن - مرفوع
٢. تتعامل مع - مجرور
٣. اعتنى ب - مجرور
٤. يحتوي على - مرفوع
٥. الحصول على - منسوب

Pada sampel ini, pelajar keliru dalam pemahaman soalan yang diajukan dalam kertas peperiksaan. Hal ini menunjukkan bahawa kelemahan dalam memahami soalan akan membawa kepada kesalahan dalam memberikan jawapan yang diinginkan. Secara ringkasnya, pelajar ini menunjukkan tahap kefahaman yang rendah dalam memahami kehendak soalan yang diberikan.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi pelbagai kelemahan ketara, terutama dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, tatabahasa, serta semantik. Kelemahan ini terserlah apabila pelajar gagal membina ayat yang tepat berdasarkan perkataan yang diberikan, malah terdapat ayat yang tidak lengkap, mengelirukan, atau bercanggah dengan makna sebenar.

Antara kesalahan yang paling kerap dikenal pasti termasuk kesalahan dalam penggunaan kata kerja dan objek, kekeliruan antara bentuk isim dan fi'il, ketidaktepatan dalam penggunaan mudaf-mudaf ilaih, kekeliruan gender kata kerja, serta kekurangan dalam memahami makna sebenar perkataan seperti yahtawi, al-husul, dan tatacamul. Malah terdapat pelajar yang meninggalkan soalan tanpa jawapan, menandakan kelemahan serius dalam penguasaan asas kosa kata dan kefahaman arahan.

Dapatan juga memperlihatkan bahawa walaupun sebahagian pelajar berusaha menjawab, jawapan yang diberikan masih tidak mencapai tahap semantik dan sintaksis yang betul. Hal ini membuktikan bahawa penguasaan kosa kata tidak boleh dipisahkan daripada pemahaman tatabahasa. Kesimpulannya, dapatan kajian menegaskan bahawa majoriti pelajar masih berada pada tahap rendah hingga sederhana dalam penguasaan penulisan bahasa Arab, khususnya dari segi membina ayat yang gramatis dan bermakna.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPPY 1022 masih kurang memuaskan, khususnya dalam aspek penulisan. Kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata dan tatabahasa menyebabkan mereka gagal menyusun ayat yang tepat, berstruktur, dan mudah difahami. Masalah ini berpunca daripada faktor asas seperti penguasaan kosa kata yang terbatas, kurangnya pemahaman tatabahasa, serta kelemahan dalam menyesuaikan perkataan dengan konteks ayat. Kesalahan yang berulang seperti kekeliruan gender, penggunaan kata yang tidak sesuai, serta struktur ayat yang tidak

lengkap menggambarkan bahawa pelajar belum mencapai tahap kompetensi yang diperlukan.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa cadangan untuk penambahbaikan. Pertama, pengajaran kosa kata perlu diperkasakan dengan pendekatan bersepadu, iaitu mengaitkan perkataan baharu terus dengan konteks ayat dan situasi sebenar, bukan sekadar hafalan. Kedua, latihan penulisan berstruktur perlu diberikan secara berterusan, dengan bimbingan guru yang menekankan aspek tatabahasa dan semantik. Latihan ini boleh berbentuk pembinaan ayat daripada kosa kata tertentu, karangan pendek, atau tugasan berbentuk simulasi komunikasi.

Selain itu, kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan dengan penggunaan teknologi, aplikasi interaktif, serta aktiviti kolaboratif yang dapat meningkatkan motivasi pelajar. Penggunaan pendekatan scaffolding juga boleh membantu pelajar membina kemahiran sedikit demi sedikit sehingga mencapai tahap penulisan yang lebih baik. Pentaksiran berterusan seperti kuiz kosa kata, tugasan refleksi, serta penilaian rakan sebaya juga wajar dipraktikkan.

Akhirnya, usaha meningkatkan penguasaan bahasa Arab memerlukan sinergi antara pelajar, pensyarah, dan kaedah pengajaran. Sekiranya kelemahan asas ini dapat diatasi secara sistematik, tahap penulisan pelajar akan meningkat seterusnya menyokong penguasaan kemahiran lain seperti membaca, mendengar, dan bertutur.

Rujukan

1. Abdul Malik Aluwi & Mohammad Taufiq Abdul Ghani. 2023. Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada Perspektif Guru. *Sains Insani*. Volume 08 No2 : 294-303.
2. Ahmad Fuad Che Daud, Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, Mohd Azidan Abdul Jabar, & Ab Halim Mohamad. 2022. Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2028–2039. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i1/12038>.
3. Ahmad Fuad Che Daud, Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2023. Bagaimanakah Aktiviti Membaca Mempengaruhi Penulisan Bahasa Arab Pelajar? *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 602–609. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.48>.
4. Asma Abdul Rahman, Salwa Salleh, Najihah Abdul Wahid, Maryam Abdul Rahman, Musling, M. N., Amani Nawati, Ahmad Abdul Rahman, & Sarah Husna Mat Rasid. 2022. [The Hyper-Associative Latency Of The Typical Lexical Educational Unit MGG @ LEXICALSEM]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 56–87.
5. Betoni, T., & Ulfaika, R. 2020. The correlation between students' grammatical mastery and students' writing achievement at xi grade students of SMAN 1 Tarakan academic year 2019/2020. *Borneo Journal of English Language Education*, 2(1).

6. De Vaus. 2013. *Survey in social Research*. Routledge, London. <https://doi.org/10.4324/9780203519196>.
7. Diyak Ulahman Mat Saad, Hibriyatul Rifhan Abu Bakar, & Hanis Najwa Shahrudin. 2021. Analisis Kesalahan Morfologi Penulisan Akademik Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati : Kajian Korpus Analysis of Morphological Errors in Arabic Academic Writing among Non -Native Speaking Students : A Corpus Study. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3(1), 44–55.
8. Hadj Said, S. 2023. Teaching Arabic To Non-Native Speakers. *International Journal of Humanities and Educational Research*, 5(02), 123–133. <https://doi.org/10.47832/2757-5403.19.10>.
9. Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh, & Nurul Iman Ahmad Bukhari. 2021. Linguistic Features Differences in Arabic Textbooks Used at Islamic Schools in Malaysia. *Kemanusiaan*, 28(1), 151–169. <https://doi.org/10.21315/KAJH2021.28.1.7>.
10. Muhammad Irfan Mhd Rusdi, Ibrahim Abdullah, Fariz Azzuan Amat Suparia, Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi, & Farhana Ghazuddin. 2023. Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis [Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 99–108.
11. Noor Anida Awang, Nooraihan Ali& Normila Noruddin@Che Ahmad. 2024. Sorotan Literatur Cabaran dan Strategi Memperkasakan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*7(4):317-311
12. Sulaiman Ismail, Yuslina Mohamed, Zainur Rijal Abd Razak, Mohamed Ibrahim, & Zulkipli Isa. 2021. Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(1), 27–36. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.5231>.